

19/10/2003

Ralat

PARA keenam berita utama muka depan Berita Harian semalam memetik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang akhbar di akhir sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) kelmarin sebagai berkata: "Tentunya anda menyedari bahawa masyarakat Arab juga orang Yahudi." Apa yang dikatakan sebenarnya ialah Semitik, bukan Yahudi.

Semitik bermaksud, anggota kumpulan atau kaum termasuk Yahudi dan Arab dan dahulunya orang Phoenicia dan Assyria. Dari segi kata nama ia juga bermaksud, ranting atau subkeluarga, keluarga bahasa Afro-Asiatik meliputi Arab, Hebrew, Amharic dan bahasa lama seperti Akkadian dan Phoenician.

Dari segi kata kerja pula, ia menghubungkan kepada atau karektor mana-mana orang yang bertutur bahasa Semitik terutama Arab dan Yahudi. Juga perkataan lain untuk Yahudi. Kesilapan ini amat dikesali - Pengarang